

NO. SOALAN: 98

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

RUJUKAN : 7261

SOALAN:

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

Adakah Kerajaan akan memberi taraf kewarganegaraan kepada pemegang kad pengenalan merah yang berusia lebih 70 tahun ke atas sekiranya mereka mengemukakan bukti kelahiran di Malaysia supaya mereka dapat menikmati manfaat Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan kemudahan warga emas yang lain.

JAWAPAN:

Perlu diambil maklum bahawa taraf Pemastautin Tetap dan faktor kelahiran di Persekutuan tidak memberikan kelayakan automatik kepada seseorang untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia kerana penganugerahan tersebut masih tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada seseorang individu yang bertaraf “Bukan Warganegara” merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya.

Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan secara jelas telah memperuntukkan bahawa selain daripada dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka, antara syarat-syarat utama yang lain yang perlu dipenuhi oleh setiap pemohon adalah memenuhi takrifan tempoh kemastautinan serta menunjukkan niat untuk bermastautin di Persekutuan, mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Malaysia serta mestilah berkelakuan baik. Oleh itu, peruntukan tersebut telah jelas menunjukkan bahawa faktor kelahiran di Persekutuan bukanlah satu-satunya pertimbangan ke atas permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi seseorang.